



## UNTUK SIARAN SEGERA

### **Malaysia Healthcare Mengiktiraf Media Barisan Hadapan di Anugerah MTMA2021**

*Acara tahunan ini kembali dengan 12 pemenang yang diiktiraf atas kualiti kewartawanan mereka*

**Kuala Lumpur, 9 Disember 2021** – Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC) telah meraikan kecemerlangan dalam pentas kewartawanan pelancongan kesihatan di Majlis Penganugerahan Media Pelancongan Kesihatan 2021 (MTMA2021) yang dianjurkan secara maya. Dimuliakan oleh **Yang Berhormat Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan Malaysia**, majlis penganugerahan tahunan ini telah memberi pengiktirafan kepada media tempatan dan antarabangsa atas sumbangan mereka dalam meletakkan Malaysia sebagai destinasi yang selamat lagi diyakini bagi perkhidmatan kesihatannya.

MTMA tahun ini telah menerima 420 penyertaan, peningkatan sebanyak 20% berbanding pada tahun 2020 oleh para peserta yang berasal dari Australia, Bangladesh, Brunei, Kemboja, China, India, Indonesia, Itali, Filipina, Singapura, Thailand, Emiriah Arab Bersatu, Amerika Syarikat, dan Malaysia.

“Biarpun industri pelancongan kesihatan menghadapi cabaran berskala global, kami berbesar hati kerana MTMA masih dapat mengembangkan sayapnya. Anugerah ini berfungsi sebagai platform bagi kami untuk mengiktiraf media dan personaliti media sosial atas sumbangan mereka, selain memberi mereka ganjaran kerana menjadi penaung jenama Malaysia Healthcare. Media telah memainkan peranan yang penting sebagai petugas barisan hadapan sewaktu pandemik dan terus menggalas tanggungjawab yang signifikan dalam fasa pemulihan industri pelancongan kesihatan pascapandemik, sekali gus mengemudi kita semula ke landasan asal menerusi kualiti kewartawanan dan penceritaan mereka,” ujar Mohd Daud Mohd Arif, Ketua Pegawai Eksekutif MHTC.

Sejak beberapa tahun yang lalu, personaliti media sosial atau *influencer* juga telah meraih perhatian sebagai penaung jenama perkhidmatan kesihatan, dengan memanfaatkan konten dan capaian mereka dari pelbagai platform sosial media untuk berkongsi pengalaman perkhidmatan kesihatan mereka khususnya di Malaysia. Sehubungan itu, MTMA2021 telah memperkenalkan kategori anugerah yang baharu – Personaliti Pelancongan Kesihatan Terbaik untuk menggalakkan personaliti media sosial, penulis blog, dan wartawan bebas misalnya untuk mengambil bahagian dalam acara penganugerahan antarabangsa ini.

Kategori Anugerah	Nama Pemenang dan Organisasi Media	Negara
Laporan Pelancongan Kesihatan Media Cetak Terbaik (Malaysia dan Antarabangsa)	Stefan Pertz (Asian Buses)	Malaysia
	Gabriele Bettinazzi (Global Health Asia Pacific)	Itali
Laporan Pelancongan Kesihatan Online Terbaik (Malaysia dan Antarabangsa)	Chester Chin (The Star)	Malaysia
	Matthew Brady (Omnia Health)	Emiriah Arab Bersatu



Rencana Pelancongan Kesihatan Penyiaran Terbaik (Malaysia dan Antarabangsa)	Berita RTM Nomad Capitalist	Malaysia Hong Kong
Influencer Pelancongan Kesihatan Terbaik (Malaysia dan Antarabangsa)	Ainul Rhyshikin binti Yusoff Katerina Susrianti	Malaysia Indonesia
Wartawan Pelancongan Kesihatan Terbaik (Malaysia dan Antarabangsa)	Revathi Murugappan (The Star) Gabriele Bettinazzi (Global Health Asia Pacific)	Malaysia Itali
Pasukan Editorial Pelancongan Kesihatan Terbaik (Malaysia dan Antarabangsa)	BERNAMA Daily Sun	Malaysia Bangladesh

Semua penyertaan telah dinilai oleh sebuah panel pakar yang terdiri daripada para juri dari negara serantau menggunakan sistem pemarkahan berdasarkan mata yang komprehensif. Kriteria penilaian memfokuskan lima aspek, iaitu kualiti penyelidikan, kualiti teknik atau persembahan, kreativiti, konten, dan capaian digital atau sosial. Panel juri diterajui oleh Ketua Juri, Manminder Dhillon, Ketua Pegawai Eksekutif Supernewsroom. Juri-juri berkaliber yang lain terdiri daripada Dr. Izzal Asnira Zolkepli, Pensyarah Kanan Universiti Sains Malaysia; Hanizah Hamzah, Ketua Televisyen bagi Asia-Pacific Broadcasting Union; Dr. Kiranjit Kaur, Profesor Universiti Teknologi MARA; Shannon Teoh, Ketua Biro Malaysia bagi The Straits Times; Cristian Rahadiansyah, Ketua Editor bagi DestinAsian, Indonesia; dan Haikel Fahim, Ketua Rantau Asia Tenggara bagi Telum Media.

MTMA tahun ini juga dapat direalisasikan dengan sokongan para penaja seperti Epson Malaysia, Mahkota Medical Centre dan Magicopper, serta rakan rangkaian media, Telum Media, Meltwater, dan Asia-Pacific Broadcasting Union.

Malaysia telah muncul sebagai destinasi yang terkemuka bagi perkhidmatan kesihatan kerana kualitinya yang bertaraf dunia, digandingkan dengan akses yang mudah, serta perkhidmatan yang ditawarkan dengan kos yang kompetitif lagi berpatutan. Industri pelancongan kesihatan kini sedang melalui fasa pemulihan, berlatarkan Malaysia yang sedang meraih reputasi sebagai destinasi kesihatan yang selamat lagi diyakini. MHTC baru-baru ini telah melancarkan [Malaysia Healthcare Travel Industry Blueprint 2021-2025](#), ia merangka pelan ke arah usaha kolaboratif dengan matlamat untuk membekalkan pengalaman pelancongan kesihatan yang terbaik di Malaysia menjelang 2025.

- TAMAT -

For media enquiries:

Vanessa Tan  
Public Relations and Corporate Communications

Joyce Gan  
Public Relations and Corporate Communications



---

Malaysia Healthcare Travel Council  
[vanessa.tan@mhtc.org.my](mailto:vanessa.tan@mhtc.org.my)

Malaysia Healthcare Travel Council  
[joyce.gan@mhtc.org.my](mailto:joyce.gan@mhtc.org.my)

#### **ABOUT THE MALAYSIA HEALTHCARE TRAVEL COUNCIL**

The Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC) is a government agency that has been entrusted with the responsibility of curating the country's healthcare travel scene. Founded in 2009, MHTC works to streamline industry players and service providers in facilitating and growing Malaysia's healthcare travel industry under the brand "Malaysia Healthcare" with the intended goal of making Malaysia the leading global healthcare destination.

#### **ABOUT MEDICAL TRAVEL MEDIA AWARDS**

Medical Travel Media Awards (MTMA2021) is organised by the Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC). Since 2019, the annual event aims to recognise the outstanding contributions from the media, influencers, and freelancers in promoting Malaysia's healthcare travel industry. For more information on MTMA, please visit <https://www.mhtc.org.my/mtma/> and follow MTMA's Facebook page for the latest updates at <https://www.facebook.com/MyMTMA/>.